


**ALLAHYARHAM AMINUDDIN BAKI:  
PEJUANG PENDIDIKAN TERKEMUKA  
OLEH  
TALIB SAMAT  
SUMBER: AKTUAL**

**PADA  
JANUARI 1987  
M.S.47-55**





# Pejuang Pendidikan Terkemuka



Allahyarham Aminuddin Baki pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Maktab Perguruan Sultan Idris pada tahun 1953.

Susunan: TALIB SAMAT

PUSAT SUMBER  
INSTITUT AMINUDDIN BAKI

Tarikh 24 Disember, 1965 bersamaan hari Jumaat satu Ramadan 1385 H. negara kehilangan seorang tokoh dan pejuang pendidikan ulung yang pernah dianggap dan diiktiraf oleh UNESCO sebagai salah seorang perancang pelajaran yang terkemuka di Benua Asia ini. Pada tarikh itulah berpulangnya ke rahmatullah Allahuhyarham Aminuddin Baki, seorang tokoh yang begitu mengambil berat nasib dan corak pendidikan rakyat khususnya kaum bumiputera di negara ini.

Aminuddin Baki merupakan tokoh yang berjasa besar membawakan pelbagai perubahan dalam sistem pendidikan dan pelajaran di negara ini. Seluruh hidupnya ditumpukan untuk membangunkan dan memperbaiktaraf pendidikan orang-orang Melayu hingga kesan usahanya terdapat peningkatan jumlah pelajar-pelajar Melayu yang layak melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah dan universiti.

Mengenang jasanya yang begitu besar kepada sistem pelajaran di Malaysia, namanya diabadikan di beberapa sekolah, kolej dan jalan-jalan awam. Semoga dengan penamaan tempat-tempat tersebut dengan nama-

nya diharapkan semangat tegas dan kental seorang pejuang bangsa akan terus bersemarak dan meresap di kalangan generasi sekarang.

Begitu juga beberapa tabung dan yayasan ditubuhkan sebagai mengenang jasanya itu. Tabung Amanah Aminuddin Baki, Yayasan Aminuddin Baki, Ceramah Aminuddin Baki dan YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad mengabdiakan sebuah trofi yang diberi nama Piala Kenangan Aminuddin Baki sebagai trofi pusingan Pertandingan Kuiz Sejarah Sekolah-sekolah Malaysia yang direntas sejak tahun 1980 hingga ke hari ini.

Tokoh ulung pendidikan ini dilahirkan pada 26 Januari 1926 di sebuah desa di Cemor, Perak. Beliau mendapat pendidikan asas di Sekolah Melayu Cemor pada tahun 1932-1936 hingga lulus darjah lima. Aminuddin meneruskan pendidikan menengahnya di Sekolah Anderson, Ipoh dari tahun 1936-1946 hingga lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Persekolahannya. Tepatnya dikatakan beliau lulus dalam Sijil Persekolahan (School Certificate) pada Oktober 1945-46.

Pada tahun 1947, beliau masuk belajar di Raffles College, Singapura yang kemudiannya ditingkatkan tarafnya dengan nama Universiti Malaya. Pada bulan Oktober 1949 beliau menyambung pelajarannya di universiti tersebut dan pada 8 Julai 1950 lulus ijazah Sarjana Kuda Sastera (B. A) dan kemudian dalam tahun 1951 pula beliau memperolehi peringkat 'Honours' (Kepujian) dalam bidang Sejarah.

Oleh kerana pencapaian akademiknya begitu cemerlang, Aminuddin Baki dianugerahkan Queen Scholarship dan kemudiannya sebagai Queen's Fellow untuk melanjutkan pelajarannya pada bulan Oktober 1952 mempelajari ilmu pendidikan di Institute of Education, University of London. Pada bulan Julai 1953 beliau lulus dalam tauliah Postgraduate Certificate of Education hingga berjaya merangkul kepujian dan ijazah Master of Methods dari Universiti London.

Sekembalinya dari perantauan di London, beliau memasuki bidang perkhidmatan pelajaran sebagai pensyarah di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) pada tahun 1953.

Beliau terus membina imej dan prestasi yang cemerlang di bidang pelajaran bila beliau meningkat dari setapak ke setapak. Pada tahun berikutnya beliau bertugas sebagai Ketua Penolong Setiausaha di Kementerian Pelajaran. Ketua Pegawai Pelajaran Negeri Sembilan dan Selangor. Kehebatan Aminuddin Baki kian terseriah bila usianya 36 tahun pada tahun 1961, beliau dilantik sebagai Ketua Penasihat Pejabaran (kini dikenal sebagai Ketua Pengrahy Pelajaran) Malaysia yang terulung.

Sejarah perkhidmatannya dalam alam pendidikan di negara ini mencatatkan sesuatu yang istimewa dan tersendiri. Dari Januari 1949-Mac 1951, beliau menjadi guru Anglo-Malay Evening School, Singapura iaitu sekolah bagi orang dewasa. Pada bulan September 1951 hingga Julai 1952, beliau menjawat jawatan guru di sekolah Inggeris Sultan Yusuf, Batu Gajah dan Anderson School, Ipoh.

Pada 17 September 1953, Aminuddin Baki menjawat jawatan guru Ilmu Mengajar (Master of Method) Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung. Beliau juga pernah menjadi pensyarah sambilan di Kolej Islam, Kelang dalam tahun 1959.

Sejarah hidupnya menjelaskan beliau bukan sahaja seorang yang berjaya dalam bidang akademik tetapi juga seorang aktivis yang giat dalam pergerakan-pergerakan sosial khususnya yang berkaitan dengan kebangkitan kesedaran masyarakat Melayu dalam bidang pelajaran yang begitu jauh ketinggalan dengan bangsa-bangsa asing.

Pada tahun 1946, beliau mengasaskan penubuhan Persatuan Pelajar Melayu Insaf (PERMI) Ipoh. Kemudian pada tahun 1947, beliau meluaskan dan menyatupadukan seluruh tenaga pelajar Perak hingga terbentuklah PERMI Perak.

GPMS dan Aminuddin Bakri mempunyai hubungan yang akrab dan harmoni. Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) pernah pada suatu ketika dipimpin oleh beliau dalam usahanya meniupkan semangat kesedaran kepada bangsa Melayu terhadap peri pentingnya mengutamakan bidang pelajaran agar hidup setanding dengan bangsa asing.

GPMS wujud bila pada 14 dan 15 Ogos 1948, satu Konvensyen Persatuan Pelajar-pelajar Melayu dari lima buah negeri dan Maktab-maktab Teknik dan Pertanian diadakan yang dipe-

lopori oleh beliau dan temannya. GPMS pada mulanya dipimpin oleh Prof. Datuk Paduka Abdul Wahab Ariff dan kemudiannya dipimpin oleh beliau sendiri.

Penubuhan GPMS membawa penyatuan seluruh pelajar-pelajar Melayu. Menerusi GPMS inilah pelbagai kelas bimbingan periksaan diadakan untuk membimbing para pelajar menghadapi peperiksaan dengan berkesan. GPMS juga menjalankan kegiatan sosial yang lain yang tujuannya untuk menyatukan seluruh pelajar-pelajar Melayu di bawah suatu persatuan.

GPMS dipimpin oleh beliau bagi tahun pertama dan beberapa tahun berikutnya sehingga galah beliau meninggalkan tanahair untuk melanjutkan pajarannya di peringkat sarjana di London. Selaku Presiden GPMS yang pertama beliau telah banyak meninggalkan kesan yang besar kepada perjuangan pertubuhan itu berikutnya. Tunjuk ajar beliau menjadi sumber inspirasi pemimpin-pemimpin GPMS selepasnya.

GPMS ditubuhkan dengan tujuan menjaga hak-hak, mengemukakan segala permintaan dan memperbaiki keadaan pelajar

pelajar Melayu dari segenap lapisan.

Mukaddimah perjuangan GPMS antara lain menyebutkan:

- Sedar, atas perlunya disatukan tenaga sekalian pelajar-pelajar Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu.

- Sedar, akan kemunduran kami di alam ilmu pengetahuan.

- Sedar, atas kewajipan kami untuk meninggikan darjat pentahuan bangsa.

- Sedar, bahawa maju mundur, kaya miskin dan hina mulianya bangsa itu di tangan kami.

Meskipun selepas mengundurkan diri dari memimpin GPMS berikutan peningkatan taraf hidupnya dari masa ke masa, Allahyarham Aminuddin Baki tetap memberikan tumpuan dan perhatian yang serius dan berterusan terhadap pertubuhan itu.

Di mana-mana beliau berucap sewaktu memimpin GPMS ataupun sebagai tokoh pelajaran, Aminuddin Baki amat gemar menyebut kalimat-kalimat:

*"Ayam di kepuk mati kela-paran.  
itik di air mati kehausan"*

dan kalimat

*"Alah sabung menang sorak,  
ayamnya menang kampung  
tergadai."*

Kadang-kadang ia menyoal hadirin dengan ungkapan:

*"Rakyat merdeka, negeri berdaulat*

*Bumiputera rela berdagang-  
merantau?"*

Kesemua ungkapan itu dan lainnya diperingatkan oleh beliau agar orang Melayu sentiasa memikirkan nasib dirinya di tanahair ini berbanding dengan bangsa asing yang sudah jauh lebih maju sedangkan orang Melayu masih di takuk lama juga.

Ada penulis mencatatkan, jiwanya yang besar dan sifatnya yang tenang dan penyabar itu sering diserang air mata. Bila ketika ia benar-benar bersemangat mengucapkan sesuatu di dalam pidatonya, ia dengan serta-merta menjadi sedih dan sugul kerana mengenangkan nasib masa depan bangsanya yang semakin tergugat. Ia kadang-kadang meneruskan ucapannya seolah-olah orang menangis dan ketika itu pendengar akan menarik nafas panjang kerana terharu.

Sebagai seorang intelektual dan pemikir bangsa, Aminuddin

Baki tidak henti-hentinya me-lontarkan idea dan saranannya untuk memperbaiki taraf kemajuan pelajar-pelajar Melayu khususnya di sekitar tahun 1950-an dan 60-an.

Tepat sekali bila seorang penulis menulis, "kenaikan pangkatnya sehingga menjadi orang yang terpenting di bidang pelajaran sebagai Ketua Penasihat Pelajaran. Kesempatan untuk membanterais kelemahan dan kemunduran pelajaran anak-anak Melayu semakin besar dan kesempatan inilah yang digunakan oleh beliau setiap kali beliau dündariq berucap di dalam majlis-majlis yang berhubung dengan pelajaran."

Aminuddin Baki adalah tokoh pendidikan yang turut menyusun Dasar Pelajaran Kebangsaan tahun 1956 yang dikenal dengan 'Penyata Razak' Beliau juga merancangkan dan menyarankan agar anak-anak Melayu dan peribumi dapat dibantu dengan lebih serius. Pembinaan sekolah-sekolah menengah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan suatu sekolah yang dikenal dengan nama Sekolah Aneka Jurusan dan usaha lainnya diperkenalkan di zaman beliau.

Sejarah hidupnya mempar-kan Aminuddin Baki mengang-gotai hampir keseluruhan Ja-watankuasa Mengkaji Sistem Pe-lajaran sebelum dan sesudah merdeka.

Beliau menganggotai Jawatan-kuasa Menyiasat Mogok SITC 1950, Jawatankuasa Barnes 1951, Jawatankuasa Razak 1956, Jawatankuasa Rahman Ta-lib 1960, Jawatankuasa Kerajaan Menyiasat Kelemahan Murid-mu-rid Melayu di dalam Memasuki Sekolah-sekolah Menengah, Ja-watankuasa Merancang Pelajaran Tinggi dan Jawatankuasa Pela-jaran Aneka Jurusan.

Allahyarham Aminuddin Baki mempunyai sumbangan yang be-sar dalam meningkatkan pertam-bahan pelajar aliran kebangsaan dari 500 orang dalam tahun 1958 menjadi 50,000 orang dalam tahun 1965, pembinaan sekolah menengah kebangsaan permulaan peperiksaan LCE MCE dan HSC dalam bahasa pengantar Melayu. Di dalam tahun 1963, Aminuddin Baki bertanggungjawab terhadap pe-nubuhan Joint Examination Board.

Beliau juga menjadi Ahli Jawatankuasa Ejaan Melayu-In-donesia (MELINDO), Ahli Lem-baga Pengelola Dewan Bahasa

dan Pustaka, Pengerusi Dewan Kebudayaan Tanah Melayu; Penasihat Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) 1961/1962 hingga 1964/1965, Anggota Suruhanjaya Fullbright dan lain-lain lagi.

Aminuddin Baki menulis tentang isu-isu pendidikan menerusi akhbar Utusan Melayu. Beliau juga menyampaikan ceramahnya mengenai pelajaran orang Melayu menerusi Radio Malaysia dalam siri Gerakan Obor yang kesemuanya bertujuan membangkitkan kesedaran mendalam di jiwa orang Melayu terhadap pentingnya memiliki ilmu pengetahuan dan pelajaran tinggi untuk menebus maruah bangsa Melayu di tanahairnya.

Menurut tulisan Drs. Hanapiah Sudin, Aminuddin Baki, "Dalam beberapa siri artikel pendidikannya di akhbar Utusan Melayu beliau pernah menekankan betapa pentingnya ciri-ciri pendidikan berikut diberikan keutamaan: Pendidikan Masyarakat, Pendidikan Kewarganegaraan, Pendidikan Kebudayaan, Pendidikan Muhibah Sejagat dan Pendidikan Dewasa."

Drs. Hanapiah Sudin juga menulis, "Antaranya Aminuddin Baki berpandangan, corak pen-

didikan di sekolah hendaklah juga diliaskan dengan cara menghapuskan dasar pelajaran yang menberatkan pelajaran akademik dan menggantikannya dengan pelajaran yang lebih tepat berkait dengan masalah-masalah masyarakat sehari-hari, pelajaran yang bercorak bagaimana masyarakat dapat dibangun dan dimajukan."

Aminuddin Baki juga dikenal sebagai seorang yang kuat minati sejarah tanahair. Latihan ilmiah yang dilakukannya untuk sejarah bertajuk "Hamba Abdi Di Negeri Perak Di Abad Ke 19" hingga memperoleh ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya.

Drs. Hanapiah Sudin ada menulis tentang kesedaran beliau terhadap pelajaran sejarah. Beliau menulis, "Ia mempunyai kesedaran yang amat kuat dan idea yang tersendiri dalam pendidikan sejarah tanahairnya. Ini dapat dilihat dan dibuktikannya dari dokumen peribadi beliau yang telah diterbitkan oleh Arkib Negara atas judul 'The National School of Malaya: Its Problems, Proposed Curriculum And Activities'. Menurut Aminuddin Baki, Sejarah adalah bermanfaat ke arah membina warganegara yang baik. Malah

*motif pengajaran dan pembelajaran Sejarah seharusnya berdasarkan motif moral dan budaya."*

Beliau pernah memimpin Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) dan diangkat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kerja persatuan tersebut sejak tahun 1958–1961.

Aminuddin Baki juga seorang Islam yang kuat mempertahankan agama dan kepercayaannya. Ini boleh dibuktikan dari peristiwa Suluh Hidup yang dilakukan oleh pengembang-pengembang agama Kristian di Maktab Perguruan Sultan Idris pada tahun 1955–1956. Beberapa orang penuntut mакtab tersebut telah terpengaruh dengan ajaran Suluh Hidup yang disampaikan dengan cara psikologi itu.

Beliau berhasil mengembalikan mereka ke jalan yang benar. Sebelum itu peristiwa tersebut menjadi buah mulut masyarakat negeri Perak. Beliau memperkenalkan pelajaran Sejarah Islam di kalangan penuntut MPSI yang disampaikannya dengan cara yang menarik dan menggalakkan mereka berfikir secara kritis dan matang tanpa rasa takut-takut. Beliau mengubah pendidikan tradisional yang mengongkong fikiran. Ami-

nuddin Baki juga menggalakkan penuntut-penuntutnya banyak-banyak membaca pelbagai jenis buku Melayu dan Inggeris untuk meluaskan ilmu pengetahuan. Nyata sekali hasil pengajarannya mendatangkan kesan positif kepada para penuntut di mana mereka giat belajar, menimba ilmu, berdiskusi dan berdebat di sekitar ilmu pengetahuan yang akhirnya mencetuskan generasi yang kuat peribadi dan tinggi daya inteleknya.

Pelajar-pelajar MPSI lingkungan 1956–57 itu berhasil dibukalauaskan fikirannya oleh Aminuddin Baki menerusi pengajarannya yang tersendiri. Beliaulah yang memperkenalkan ketinggian falsafah Islam sebagai penawar jiwa kepada masalah psikologi yang melanda pelajar-pelajar MPSI seperti yang disebutkan itu.

Kini Aminuddin Baki telah dua puluh tahun meninggalkan kita. Namun hasil perjuangannya mulai dirasakan oleh generasi pelajar Melayu sekarang. Perjuangannya dengan GPMS terus mengharumkan namanya sampai bila-bila. Aminuddin Baki dengan mukadimah GPMSnya ‘Hina, mulia, kaya, miskin sesuatu bangsa itu terletak pada bangsa itu sendiri’ ‘Belajar Terus Be-

lajar' dan 'Agama dijunjung, tamadun dipimpin' terus diperjuangkannya hingga ke akhir hayat.

Kesimpulannya, Aminuddin Baki adalah seorang pahlawan tanahair dan pejuang bangsa yang tiada tandingannya dalam membela dan mengangkat darjah keintelektualan bangsa-

nya, bahasanya, budayanya sekaligus martabat pendidikan anak-anak bangsanya. Generasi baru sekarang wajar mengambil teladan dari kegigihan dan kesungguhan perjuangannya membangun jiwa dan peribadi bangsa Melayu ke tempat yang sewajarnya di bumi merdeka yang berdaulat ini!

#### Sumber-sumber Rujukan:

'Aminuddin Baki - Jasanya Terkubur, Budinya Menyinar Bagaiman Bintang Bertabur': oleh Drs. Hanapiyah Sudin, Buku Cenderamata Pertandingan Akhir Kuiz Sejarah, 1985 (Hal: 22 - 26)

'Aminuddin Baki dengan GPMS': oleh Wan Ahmad Nasir, Mastika, Disember 1970 (Hal: 30-33)

'Karya Belum Siap': oleh Shahrom Mohd. Dom, Mastika, Di-

seember 1970 (Hal: 32-35)  
'Aminuddin Baki Ke Depan Nyala Obor Islam': oleh Amir Hamzah, Mastika, Disember, 1970 (Hal: 34-37)

'Aminuddin Baki Berbicara Tentang Pelajaran Melayu': ceramahnya dalam Siri Gerakan Obor menerusi Radio Malaysia, Mastika, Disember, 1970 (Hal: 26-29) □

Dari muka surat 33

|                |                       |              |                       |
|----------------|-----------------------|--------------|-----------------------|
| Sewa           | \$ 4,400              | Untung Kasar | \$11,546              |
| Upah           | 3,100                 | Komisen      | 199                   |
| Belanja Am     | 650                   |              |                       |
| Susutnilai Van | 3,000                 |              |                       |
| Untung Bersih  | 595                   |              |                       |
|                | <hr/> <u>\$11,745</u> |              | <hr/> <u>\$11,745</u> |